

**Kesesuaian Isi Kandungan, Masa, Kemudahan Dan Alatan Dan Kaedah Tunjuk Cara
(Demonstrasi) Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Teknikal Peringkat Menengah
Rendah Dari Perspektif Guru-Guru Kemahiran Hidup Di Sekolah
Menengah Kebangsaan Di Daerah Pasir Mas Kelantan**

Abdul Rahim Bin Hamdan & Wan Mohammad Kamal Azman Bin Wan Aziz
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal dari perspektif guru-guru Kemahiran Hidup di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Pasir Mas, Kelantan. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan berbentuk soal selidik. Sampel yang digunakan terdiri daripada 40 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Teknikal. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) Versi 11.5. Hasil daripada analisis diterjemahkan dalam bentuk frekuensi, peratus dan min. Hasil kajian mendapati nilai purata min keseluruhan bagi empat persoalan mencatatkan 3.80 iaitu pada tahap penilaian tinggi. Jika dihalusi secara lebih terperinci mengikut item menunjukkan bahawa persoalan kajian yang kedua mencatatkan nilai min 3.19 iaitu pada tahap penilaian sederhana. Bagi persoalan kajian pertama, ketiga dan keempat nilai min berada pada tahap penilaian tinggi. Di samping itu, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat Menengah Rendah. Dapatan daripada ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian isi kandungan, peruntukan masa, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru dalam mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat Menengah Rendah. Disarankan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pihak Pentadbir Sekolah supaya mengkaji peruntukan masa yang dibekalkan untuk pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal.

Abstract: This research aimed to identify the appropriateness of the content, time allocation, facilities and tools, as well as demonstration techniques for lower secondary school students who are learning Living Skills' subject. This study is merely from the perspective of Living Skills' subject teachers who are teaching the Technical subjects in the district of Pasir Mas, Kelantan. The research instruments used in this study are questionnaires. The samples for this study are 40 Technical Skills teachers. The data and findings of this study are processed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 11.5. The data analysis from the findings is presented in the forms of frequency, percentage and min. The result shows that min values for the four research questions are 3.80 which are at the high level. By evaluating this accordingly to the item, it is clearly shown that the second research question shows an average min value of 3.19. For the first, third and fourth research questions, the min value are high. Instead of that, the t-test is used to differentiate the appropriateness of contents, time allocation, facilities and demonstration techniques during the lesson as far as the teachers' gender are concerned. Result shows that there are no significant differences towards the appropriateness of the content, time allocation, facilities and tools, as well as the suitability of demonstration techniques, to be compared with the teachers' gender teaching the subject matters. It is recommended to the Ministry of Education and School Administrator to evaluate the justification of the time allocation provided for teaching and learning of the Technical Subject.

Katakunci: kesesuaian isi kandungan, Kemahiran Teknikal, perspektif guru-guru Kemahiran Hidup

Pengenalan

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu adalah satu mata pelajaran teras berunsurkan teknologi di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran berbentuk pra-vokasional yang telah digubal semula berasaskan mata pelajaran elektif Seni Perusahaan, Perdagangan dan Sains Pertanian (Draf Kemahiran Hidup Program Peralihan, 1989).

Mata pelajaran ini juga digubal berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Ia dirancang untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran negara melalui penglibatan masyarakat dan tenaga kerja secara produktif berlandaskan teknologi sejajar dengan dasar dan keperluan negara. Mata pelajaran ini merupakan sebahagian usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan. Mata pelajaran ini membekalkan kemahiran yang berguna dan berfungsi agar murid boleh bertindak dan mengendalikan kehidupan harian secara produktif dalam dunia teknologi dan industri yang kompleks dan sentiasa berubah. Murid dipupuk sikap kerja yang positif seperti menghargai kerja yang berkualiti tinggi, berinovasi dalam pembinaan projek, penuh yakin dan berdikari dalam daya usaha.

Pernyataan Masalah

Secara umumnya guru-guru Kemahiran Hidup peringkat menengah rendah dijangka dapat mendalami pengetahuan dan kefahaman mengenai matlamat mata pelajaran Kemahiran hidup, menguasai isi kandungan sukatan pelajaran ini melalui strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mempraktikkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan di dalam bilik darjah.

Sukatan pelajaran Kemahiran Hidup (rombakan 2002) dirancang untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun struktur sukatan pelajaran ini merangkumi semua aspek yang perlu diajar oleh guru Kemahiran Hidup, namun adakah ianya bersesuaian dengan tahap pelajar menengah rendah dari segi isi kandungan, masa, kemudahan dan peralatan yang mencukupi atau tidak atau kaedah tunjuk cara (demonstrasi) yang digunakan oleh guru itu sendiri dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sejauhmana kesesuaian sukatan Kemahiran Teknikal untuk pelajaran peringkat menengah rendah. Bagi menjawab persoalan tersebut, satu kajian yang terperinci dibuat bagi menilai kesesuaian sukatan pelajaran Kemahiran Teknikal dari segi isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) untuk pelajaran menengah rendah mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup.

Objektif Kajian

Dalam mengkaji masalah ini, beberapa objektif telah dikenalpasti bagi mengetahui kesesuaian sukatan Kemahiran Teknikal mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup. Objektif kajian ini ialah untuk :

1. Menenalpasti kesesuaian isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal bagi pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.
2. Menenalpasti masa yang diperuntukkan sesuai bagi sesuatu sesi pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
3. Menenalpasti kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
4. Menenalpasti kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

5. Mengenalpasti perbezaan kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Skop Batasan

Walaupun skop dan bidang kajian luas dan menyeluruh, pengkaji menjalankan kajian mengikut batasan tertentu berdasarkan tempat kajian, sampel kajian dan bilangan sampel kajian.

1 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di 16 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Pasir Mas, Kelantan. Segala keputusan dan rumusan hanyalah benar bagi tempat yang berkenaan.

2 Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih adalah seluruh populasi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Teknikal Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Pasir Mas, Kelantan.

3 Bilangan Sampel Kajian

Bilangan sampel kajian ialah keseluruhan populasi iaitu 40 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Teknikal Peringkat Menengah Rendah sahaja iaitu mengikut Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Pasir Mas, Kelantan.

Metodologi

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Mas. Terdapat 17 buah sekolah menengah dalam daerah kajian dan daripada jumlah tersebut 16 buah sekolah merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dipilih sebagai kajian. Satu sekolah yang tidak terlibat dalam kajian adalah Sekolah Menengah Teknik (SMT). Kajian ini meliputi seluruh populasi iaitu seramai 40 orang guru Kemahiran Teknikal yang mengajar di SMK di daerah Pasir Mas, Kelantan (data daripada PPD Pasir Mas/Tumpat). Sampelan bertujuan digunakan iaitu penyelidikan dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan set soal selidik untuk maklumat dari responden. Soalan-soalan ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B yang dibina sendiri dengan mendapat keesahan daripada pensyarah penyelia. Bahagian A mengandungi 6 soalan bagi mendapatkan maklumat tentang diri responden. Bahagian ini menggunakan skala nominal bagi memudahkan responden menjawab dengan menanda pada kotak jawapan pilihan. Bahagian B terdiri daripada 40 item yang mewakili 4 pembolehubah kajian. 10 item mewakili pembolehubah isi kandungan sukatan mata pelajaran Kemahiran Teknikal untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah. 10 item mewakili pembolehubah masa yang diperuntukkan sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah. 10 item mewakili pembolehubah kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah dan 10 item mewakili pembolehubah kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis dijalankan di Sekolah Menengah Tunku Abdul Majid, Majidee, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tebrau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Molek, Johor Bahru. Kajian rintis ini menggunakan item-item dalam borang soal selidik yang akan digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk kajian ini. Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan di samping dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul semasa kajian rintis ini dijalankan. Hasil dari kajian rintis ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package of Social Science for Windows) Release 11.5.

Analisis data kajian rintis menggunakan statistik Alpha Cronbach iaitu 'reliability coefficient' atau pekali kebolehpercayaan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item. Jadual di bawah menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach, jika nilai alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaan amat tinggi, baik dan berkesan. Jika nilai antara 0.6 hingga 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru di tiga buah sekolah tersebut. Dari kajian rintis yang dijalankan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.742 dan beberapa perubahan telah dibuat bagi memantapkan soalan yang dikaji. Jadual di bawah menunjukkan item persoalan kajian yang telah diubah suai setelah kajian rintis dijalankan dengan nasihat penyelia.

Jadual 1: Item Persoalan Kajian Yang Telah Diubah Suai

No Item	Item semasa Kajian Rintis	Item Selepas Kajian Rintis
3	Isi kandungan Kemahiran Teknikal membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dan selamat dalam P&P	Isi kandungan Kemahiran Teknikal menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran mata pelajaran ini.
10	Tajuk yang dipilih untuk setiap tahap dapat diaplikasikan mengikut kebolehan pelajar tersebut.	Isi kandungan yang disusun adalah bersesuaian dengan tahap pelajar.
30	Ruang kerja di dalam bengkel selesa untuk proses kerja amali.	Meja kerja yang terdapat di dalam bengkel Kemahiran Hidup selesa untuk pelajar menjalankan kerja amali.
40	Pelajar akan lebih cepat menyiapkan kerja amali sekiranya saya melakukan kaedah demonstrasi dalam pengajaran	Pelajar akan merasa lebih yakin dan berani untuk melakukan amali sekiranya saya melakukan pengajaran menggunakan kaedah demonstrasi.

Keputusan

Jadual 2: Analisis Keseluruhan Bagi Setiap Persoalan Kajian

Bil.	Aspek Penilaian	TS		TP		S		Min	Tahap Penilaian
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1.	Kesesuaian Isi Kandungan.	2	5.0	5	12.5	33	82.5	3.89	Tinggi
2.	Kesesuaian Masa.	15	37.5	5	12.5	20	50.0	3.19	Sederhana
3	Kesesuaian Alatan Dan Kemudahan.	6	15.0	3	7.5	31	77.5	3.85	Tinggi
4	Kesesuaian Kaedah Demonstrasi.	1	2.5	3	7.5	36	90.0	4.25	Tinggi
JUMLAH PURATA KESELURUHAN		6	15	4	10	30	75.0	3.80	Tinggi

Hasil keseluruhan menunjukkan bahawa kesesuaian isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam matapelajaran kemahiran teknikal dari perspektif guru-guru kemahiran hidup di sekolah menengah di daerah Pasir Mas Kelantan adalah sesuai.

Jumlah purata secara keseluruhan bagi aspek kesesuaian isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dalam mata pelajaran kemahiran teknikal mencapai min sebanyak 3.80. Ini menunjukkan satu nilai yang tinggi. Kesesuaian isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam matapelajaran kemahiran teknikal sesuai mengikut pandangan guru-guru kemahiran hidup.

Hasil analisis daripada ujian-t yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah

Perbincangan

Isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Teknikal sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi didapati bahawa isi kandungan mata pelajaran kemahiran teknikal sesuai untuk sesi P&P peringkat menengah rendah. Ini ditunjukkan berdasarkan kepada nilai min yang diperolehi iaitu 3.89 yang mana ianya berada pada tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 1998). Majoriti guru bersetuju dengan pernyataan ini dan ianya dijelaskan oleh Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) di dalam jurnalnya, berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH mengenai isi kandungan mata pelajaran Kemahiran Hidup, didapati majoriti daripada guru-guru bersetuju bahawa isi kandungan Kemahiran Hidup relevan dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 90% responden bersetuju dengan isi kandungan mata pelajaran kemahiran teknikal sesuai dengan keperluan semasa negara. Ini dapat dijelaskan lagi dengan kenyataan Tyler (1964) yang menyatakan bahawa sesuatu program itu perlu mengikut kehendak masyarakat dan negara. Falsafah Pendidikan Negara menjadi asas kepada Dasar Pendidikan Negara. Ia perlu seiring dengan kehendak dan wawasan Negara dan perlu dipatuhi (Anuar, 1989).

Daripada dapatan kajian menunjukkan 82.5% guru bersetuju dengan sukatan mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah ini. Ini menunjukkan sukatan mata pelajaran ini adalah sesuai untuk peringkat menengah rendah mengikut pandangan guru-guru kemahiran hidup.

Daripada 10 item berkaitan kesesuaian isi kandungan mata pelajaran ini, 2 item iaitu item isi kandungan sesuai dengan keperluan semasa negara dan item isi kandungan yang disusun adalah bersesuaian dengan tahap pelajar mendapat nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 90%.

Hasil daripada ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian isi kandungan bagi mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan pada pandangan guru lelaki dan perempuan, mereka mempunyai pendapat yang sama terhadap persoalan ini.

Masa yang diperuntukan sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

Faktor masa juga penting untuk memastikan sesuatu sesi P&P itu berjalan dengan lancar. Berdasarkan dapatan kajian, purata keseluruhan min yang diperolehi ialah 3.19 yang mana ianya berada pada tahap yang sederhana (Mohd Najib Ghafar, 1998). Majoriti responden merasakan mereka memerlukan masa yang banyak bagi kerja-kerja penyediaan alatan dan bahan untuk kelas amali. Ini dijelaskan lagi oleh Che Wa (1997) yang menyatakan penyediaan bahan amali pelajar adalah memakan masa dan 22 orang (84.6%) guru bersetuju bahawa mereka menggunakan waktu lapang dan waktu rehat mereka untuk menyediakan bahan amali pelajar.

Selain itu, sebanyak 62.5% responden yang tidak bersetuju dengan jumlah masa yang diperuntukan. Ini menyebabkan kerja amali tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang diperuntukan. Mardevan (1990) yang menyatakan bahawa pelaksanaan jadual waktu KH tidak sesuai dengan waktu amali contohnya dalam amali pertanian di mana guru membawa pelajar-pelajar ke kebun pada waktu 12.00 tengah hari. Ini tidak sesuai dengan amalan pertanian yang sebenarnya. Guru-guru merungut kerana penyusunan jadual yang tidak memuaskan.

Daripada dapatan kajian, purata peratus keseluruhan yang bersetuju adalah 50.0%. Item yang menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar memerlukan lebih masa untuk menyiapkan kerja amali dan guru memerlukan lebih masa untuk menyediakan alatan dan bahan untuk kerja amali mendapat nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 72.5%. Ini menunjukkan masa yang lebih diperlukan untuk sesuatu kerja amali dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Hasil daripada ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian masa bagi mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan pada pandangan guru lelaki dan perempuan, mereka mempunyai pendapat yang sama terhadap persoalan ini.

Kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah

Hasil dapatan kajian menunjukkan nilai min sebanyak 3.85 yang mana ianya berada pada tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 1998) bagi persoalan kajian ini yang mana menyatakan kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Perancangan yang teliti oleh pihak pentadbir sekolah memainkan peranan yang penting untuk memastikan segala kemudahan dan alatan untuk proses P&P mencukupi. Pihak yang terlibat dalam merancang penyediaan kemudahan fizikal sekolah ialah pihak pentadbir pendidikan, lembaga sekolah, perunding pendidikan, masyarakat tempatan dan juga pihak pelajar itu sendiri, James M. Thrasher (1972).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa alat bantu mengajar sentiasa tersimpan di ruang yang dikhaskan di dalam bengkel kemahiran hidup dan ini akan memudahkan guru untuk menggunakan alat tersebut jika diperlukan. Noraziah Abd. Hamid, (1981), penggunaan alat bantu mengajar adalah perlu untuk pelajar memahami konsep abstrak yang tidak difahami melalui pembelajaran biasa.

Majoriti responden (82.5%) bersetuju dengan alatan yang terdapat di dalam bengkel kemahiran hidup sentiasa selamat digunakan oleh pelajar untuk melakukan kerja amali dan 55% responden bersetuju dengan alatan yang terdapat di dalam bengkel kemahiran hidup mencukupi untuk digunakan oleh pelajar. Rohana, 1996 menyatakan untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran KH, pihak sekolah perlulah menyediakan peralatan yang mencukupi supaya pelajar dapat belajar dalam keadaan yang memuaskan tanpa sebarang halangan yang boleh mengganggu proses pembelajaran.

Berdasarkan dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru-guru kemahiran hidup yang mengajar kemahiran teknikal peringkat menengah rendah di daerah Pasir Mas Kelantan bersetuju mengatakan kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses P&P.

Item yang menyatakan alatan yang terdapat dalam bengkel kemahiran hidup adalah mencukupi mendapat nilai min yang paling rendah iaitu 3.35. Peratus yang bersetuju dengan item yang menyatakan bahawa terdapat ruang pameran untuk menempatkan hasil kerja pelajar adalah yang tertinggi iaitu 92.5%.

Hasil daripada ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian kemudahan dan alatan bagi mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan pada pandangan guru lelaki dan perempuan, mereka mempunyai pendapat yang sama terhadap persoalan ini.

Kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

Secara keseluruhan hasil analisis persoalan kajian ini kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah. Purata nilai min yang diperolehi ialah 4.25 yang mana ianya berada pada tahap tinggi (Mohd Najib Ghafar, 1998).

Majoriti responden (100%) bersetuju bahawa kaedah demonstrasi memudahkan pelajar menguasai kemahiran yang diajar. Ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan kaedah demonstrasi akan memberi jalan mudah kepada pelajar untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran. Ini dijelaskan oleh Hasan Langgulung (1981) yang mengatakan bahawa kaedah itu sebenarnya bermaksud jalan untuk mencapai tujuan. Jadi, apa saja cara yang guru lakukan untuk memberi kefahaman kepada pelajar bagi mencapai objektif pengajaran, maka itu adalah kaedah. Melihat kepada contoh-contoh yang diutarakan oleh Sharifah Alawiah Alsagoff (1986), Mok Soon Sang (1992), Rashidi Azizan & Abdul Razak Habib (1995), Atan Long (1980) dan Mahfudh Salahuddin (1987), nampaknya yang dikatakan kaedah itu ialah

yang ada nama, seperti kaedah kuliah, demonstrasi, Socrates, simulasi, inquiri penemuan, Forebel dan sebagainya.

Dapatan kajian juga menunjukkan guru sering melaksanakan langkah-langkah demonstrasi dengan teratur dan baik. 97.5% responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ini jelaslah apa yang dikatakan bahawa kaedah mengajar ialah peredaran ke arah satu tujuan pengajaran yang telah dirancang dengan teratur, Sharifah Alawiah Alsagoff (1986). Guru-guru melaksanakan kaedah demonstrasi yang dirancang dan diatur dengan baik supaya murid dapat menguasai apa yang diajar dengan lebih berkesan.

Daripada dapatan kajian, jumlah peratus keseluruhan yang bersetuju adalah 90.0%. Majoriti guru (100%) menyatakan bahawa kaedah demonstrasi memudahkan pelajar menguasai kemahiran yang diajar.

Hasil daripada ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada aras keertian 0.05 terhadap kesesuaian kaedah tunjukkan (demonstrasi) bagi mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan pada pandangan guru lelaki dan perempuan, mereka mempunyai pendapat yang sama terhadap persoalan ini.

Rumusan

Kajian ini adalah satu kajian perintis dalam menentukan kesesuaian isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan dan kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dari perspektif guru-guru kemahiran hidup peringkat menengah rendah, maka kajian ini tidak terlepas daripada beberapa kelemahan yang tidak dapat dikawal dengan berkesan oleh penyelidik kerana kesuntukan masa dan sebagainya. Namun begitu, penyelidik merasa yakin bahawa dapatan kajian ini mengandungi nilai dari segi teori dan praktikal serta dapat memberi sumbangan yang bererti ke arah mempertingkatkan lagi mutu pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal dan seterusnya dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini.

Rujukan

- A. Mardevan (1990). *Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Malaysia*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin (1987). *Asas Penilaian Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (1991). *Kurikulum Perpektif dan Perlaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abd Ghafar Md Din (1993). *Prinsip Dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd. Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Raof Dalip dan T. Subahah Mohd Meerah (1991). *Isu-isu Latihan Mengajar*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1980) *Pedagogi Kaedah Am Mengajar* Petaling Jaya: Fajar Bakti. Sdn. Bhd.
- Atan Long (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Atan Long (1991). *Pedagogi, Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Amiza Sdn Bhd.

- Atan Long (1993). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Azizah Abdul Rahman & Fowziah Bakar (1991). *Pendidikan Vokasional dalam Reformasi Pendidikan di Malaysia*. Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* 37 (78): 56-67.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Mengusai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Che Wa Saad (1997). *Satu Tinjauan Tentang Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah di Daerah Pekan, Pahang*. Projek Sarjana Muda. UTM.
- Garrison, Friedenber (1991). *Planning Inservice Teacher Education: Promising Alternatives*, Bethesda, Md.: ERIC Document Reproduction Service.
- Glasman dan Biniamior (1981). *Faedah Kemudahan Fizikal Bagi Sekolah Rendah Dalam Mencapai Objektif Pendidikan Vokasional*. Kertas Kerja. UTM Johor.
- Hasan Langgulong (1981). *Beberapa tinjauan dalam pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Hassan Langgulong (1986). *Manusia Dan Pendidikan*. Jakarta: Penerbit A. Husna.
- Jaafar Mohd Amin (1995). *Peranan Guru Ke Arah Peningkatan Mutu Pengajaran*. *Jurnal Guru: Sinar Budi*. Keluaran Disember 1994. Hlm 1-6.
- Kamus Dewan Edisi Ke Tiga* (1989). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1979). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1989) *Draf Kemahiran Hidup Peralihan*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1990). *Perlaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohamed Najib Abd Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Data: Ujian bilik Darjah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Najib Ghafar (1998) "*Asas Pendidikan Sains Sosial*".Universiti Teknologi Malaysia. Jabatan Asas Pendidikan.
- Mohamed Najib Abd Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (1992). *Pedagogi 1*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sendirian Berhad.
- Mok Soon Sang (1996). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Diploma Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.